

Bahasa Melayu, sebagai tunjang warisan dan lidah pertiwi, kini berlayar di samudera digital yang luas tanpa sempadan. Gelombang komunikasi pantas dan pertukaran budaya global telah membawa bersama arus deras yang adakalanya menghempas kelestarian bahasa ibunda. Di persimpangan zaman digital yang penuh fatamorgana ini, timbullah fenomena yang dinamakan kerancuan bahasa iaitu percampuran kod, penyalahgunaan tatabahasa, dan kerosakan ejaan yang mengancam bukan sahaja keindahan dan ketepatan linguistiknya, bahkan turut mencalar jati diri dan kekaburan makna bangsa yang tersemat di dalamnya.

Isu ini amat relevan untuk diselami, terutamanya dalam kalangan mahasiswa kejuruteraan di institusi-institusi pengajian tinggi seperti Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Golongan ini, yang merupakan arkitek masa depan negara dan penggerak revolusi industri, sering kali terdedah kepada terminologi dan medium komunikasi yang didominasi oleh bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan teknologi. Dalam kehairahan mereka membina jambatan ilmu dan memahat inovasi, tanpa sedar, benteng kefasihan dan ketertiban berbahasa Melayu kian terhakis.

Mengapa mahasiswa kejuruteraan khususnya terdedah? Alam kerjaya mereka menuntut kepantasan komunikasi dan kecekapan merujuk sumber teknikal global. Mereka sering berinteraksi dengan manual, perisian, dan rakan sejawat antarabangsa yang menggunakan bahasa Inggeris. Apabila mereka beralih kepada komunikasi harian dalam bahasa Melayu terutamanya di media sosial atau perbualan santai maka kerancuan menjadi pintasan yang mudah. Bahasa Melayu yang digunakan menjadi pincang, dicemari kosa kata rojak, singkatan yang tidak selari dengan nahu bahasa, dan gaya bahasa yang kurang formal, meresap jauh ke dalam penulisan ilmiah dan profesional mereka. Hal ini melahirkan persoalan kritikal. Mampukah seorang jurutera yang mahir membina struktur kukuh, mempertahankan struktur bahasanya sendiri daripada runtuh?

Kerancuan bahasa yang berleluasa ini bukan sekadar masalah estetika, bahkan ia membawa implikasi yang mendalam terhadap jati diri bangsa dan kekaburan makna, kerana bahasa adalah wadah pemikiran maka apabila bahasa itu kerancuan, ketajaman pemikiran dan keupayaan untuk menyampaikan konsep yang kompleks dengan tepat juga terjejas. Bagi mahasiswa kejuruteraan di UMPSA, penggunaan bahasa Melayu baku adalah mustahak untuk kepentingan ilmu dan dokumentasi, di mana mereka perlu menghasilkan laporan teknikal, kertas kerja, dan dokumen perundangan yang jelas, tepat, dan tidak mengandungi dwimakna yang membawa kepada bahasa Melayu baku dengan memastikan kebolehpercayaan maklumat teknikal yang akan menjadi rujukan generasi akan datang. Selain itu, ia penting demi kepentingan komunikasi profesional, kerana sebagai jurutera, mereka perlu berkomunikasi dengan pihak berkepentingan, termasuk pekerja teknikal, kontraktor, dan agensi kerajaan, yang mungkin memerlukan penjelasan dalam bahasa Melayu yang betul dan mudah difahami, manakala kerancuan akan mengundang salah faham yang boleh membawa padah dalam projek kejuruteraan. Akhir sekali, penggunaan bahasa Melayu yang indah dan teratur dalam lapangan kejuruteraan adalah untuk memartabatkan bangsa, menunjukkan bahawa bahasa kebangsaan mampu menampung segala ilmu moden, sekali gus memperkukuh identiti kebangsaan di pentas global.

Justeru, beberapa langkah perlu diinsafkan dan diimplementasi. Institusi seperti UMPSA harus lebih

proaktif dalam mendisiplinkan penggunaan bahasa Melayu baku dalam semua komunikasi rasmi dan tidak rasmi kampus, termasuk mewajibkan penyediaan abstrak dan penerbitan laporan teknikal dalam bahasa Melayu yang cemerlang, sekali gus memperkukuh peranan institusi. Mahasiswa juga perlu didorong untuk membaca karya-karya sastera dan penulisan ilmiah bermutu tinggi dalam bahasa Melayu serta terlibat dalam pertandingan penulisan esei, debat, atau pembentangan teknikal dalam bahasa Melayu baku yang akan melatih kecekapan berbahasa secara praktikal dan estetik, melestarikan budaya membaca dan menulis jati.

Selain itu, pendekatan berteraskan teknologi perlu diusahakan seperti pembangunan aplikasi atau pangkalan data istilah kejuruteraan dalam bahasa Melayu yang mudah diakses sebagai sumber rujukan segera, di samping mempergiat bengkel penggunaan alat semakan tatabahasa dan ejaan yang serius dalam semua kerja kursus. Tidak kurang penting, dosen kejuruteraan, meskipun banyak mengajar dalam bahasa Inggeris, haruslah menjadi duta bahasa Melayu yang fasih dan tekun, kerana cara mereka berkomunikasi dan menulis akan menjadi cerminan dan ikutan kepada mahasiswa, memenuhi peranan dosen dan pensyarah sebagai teladan.

Sebagai penutup, marilah kita hayati bait puitis ini.

Bahasa itu jiwa bangsa,
Senjata pena, jambatan ilmu,
Jangan dibiarkan kosa kata layu,
Pabila kerancuan mencengkam kalbu,
Mahasiswa kejuruteraan, lambang cita,
Bina wawasan, bahasa dimuliakan,
Pasti gemilang, nusa tercinta,
Jati diri teguh, makna bangsa dipertahankan.

Sesungguhnya, usaha untuk melestarikan bahasa Melayu baku di tengah pusaran zaman digital adalah satu jihad intelektual yang perlu dipikul bersama. Mahasiswa kejuruteraan di UMPSA dan seluruh negara perlu sedar bahawa keupayaan mereka membina masa depan fizikal negara harus seiring dengan keupayaan mereka mempertahankan keindahan dan ketertiban bahasa yang menjadi tiang seri peradaban. Hanya dengan menjauhi kerancuan, kita dapat memastikan jati diri bangsa kekal utuh dan makna bangsa terus bersinar tanpa kabur.



Oleh: Mohammad Baihaqi Hasni

E-mel: baihaqi@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa Kanan, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang AI-Sultan Abdullah (UMPSA).

TAGS / KEYWORDS

[Kerancuan](#)

• 59 views

[View PDF](#)